

# Visi Sekolah Orang Asli Terbaik Selangor tercapai

Oleh IWAN SHU-ASWAD SHUAIB  
 iwan@thestar.com.my

**V**ISI Sekolah Kebangsaan Bukit Lanjan di Bandar Damansara Perdana adalah untuk menjadi Sekolah Orang Asli Terbaik bagi Peringkat Negeri Selangor menjelang tahun 2014.

Menariknya, sekolah tersebut sudah pun mencapai pengiktirafan pada tahun 2010 berdasarkan keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

Guru Besar SK Bukit Lanjan, Nur Ma Baharom berkata, ini menunjukkan prestasi murid-murid Orang Asli bertambah baik meskipun belum mencapai tahap cemerlang sepenuhnya.

"Matlamat kami sudah tentu memastikan murid mencapai seluruh A namun perkembangan positif adalah permulaan untuk menuju ke arah itu.


"Keprihatinan ibu bapa Orang Asli menghantar anak-anak mereka ke sekolah untuk mendapatkan pendidikan wajar diakui. Ini termasuk guru-guru yang komited mendidik mereka," katanya kepada *Mingguan mStar*, baru-baru ini.

SK Bukit Lanjan turut mencatatkan peningkatan dari segi kelulusan UPSR sejak dua tahun berturut-turut iaitu meningkat sebanyak 11 peratus pada tahun 2009 berbanding 2008 dan peningkatan 31 peratus pada 2010.

Pada masa ini, terdapat 153 pelajar dan 127 murid daripada jumlah itu merupakan anak-anak Orang Asli Temuan yang menetap di Desa Temuan berhampiran sekolah.

Mengenai usaha untuk mengekalkan pencapaian terbaik itu, Nur Ma menjelaskan bahawa masih banyak perkara yang perlu diperbaiki terutama aspek pendekatan.

"Apa saja program atau inisiatif yang dilaksanakan pada tahun lalu dianggap berjaya dan ia akan ditelentakkan dengan



Masyarakat Orang Asli kini sedar betapa pentingnya pendidikan untuk anak-anak mereka.

pelajaran," katanya.

Dalam pada itu, beliau menyuarakan kebimbangannya terhadap hala tuju murid-murid Orang Asli selepas mereka tamat belajar di sekolah rendah.

Wujud persoalan sama ada mereka akan terus menyambung pelajaran di peringkat sekolah menengah atau hanya tamat di situ saja.

"Ini yang kita sedang lakukan untuk membantu kanak-kanak ini supaya terus mempunyai minat belajar dan bermatlamat untuk menjadi seorang yang berjaya pada suatu hari nanti.



NUR MA BAHAROM

Antara inisiatif SK Bukit Lanjan menerusi Kementerian Pelajaran adalah Program Anak Angkat, Program Lawatan Pra-UPSR dan Kembara UPSR.

Nur Ma berkata, pendekatan seumpama itu perlu diterapkan dalam diri murid-murid Orang Asli agar diberi kekuatan sebagai persediaan akan datang.

"Jika usaha membantu mereka menjalani kehidupan lebih baik menerusi pendidikan dimantapkan, saya

## Daya tahan masih berkurangan

SEBAHAGIAN kecil murid Orang Asli terpaksa menduduki kelas pendidikan khas kerana mempunyai masalah dalam pembelajaran.

Menurut guru Pendidikan Khas, Mohd Rosdi Tahir, 33, daya tahan bagi golongan itu masih agak berkurangan jika dibandingkan dengan murid lain di sekolah biasa yang cemerlang.

Bagaimanapun katanya, persekitaran lebih segar dan baru bagi murid berkenaan menyebabkan mereka lebih mudah untuk menumpukan perhatian.

"Ini boleh dilihat berdasarkan perkembangan mereka apabila separuh daripada mereka yang berada di dalam kelas ini sudah boleh membaca, mengira dan menulis.

"Penguasaan mereka mungkin tidak se pantas murid lain namun perubahan itu yang diharapkan kerana ia bukan sesuatu yang mudah bagi kanak-kanak Orang Asli," katanya.

Rosdi menyifatkan kelemahan pelajar dari komuniti itu merupakan cabaran baginya sebagai guru yang berperanan membentuk modal insan lebih baik.

Justeru katanya, murid-murid seharusnya diberikan kesesuaian dalam sesi pembelajaran menerusi pendekatan secara individu dan mesra.

"Cara ini dapat mengenal pasti kelemahan dan tahap penguasaan setiap murid bagi memudahkan kefahaman tentang apa yang ingin tahu dan tidak tahu," katanya.

Walaupun segelintir murid Orang Asli adalah lembam namun Rosdi berkata, secara umum komuniti itu sudah banyak menunjukkan kemajuan terutama dalam pendidikan.

## Bukan mudah selami hati mereka

Segelintir murid Orang Asli melihat guru sebagai orang asing kerana mereka bukan di kalangan ahli keluarga atau kelompok suku kaum yang sama. Maka



berjaya dan ia akan dikekalkan dengan melakukan penambahbaikan.

"Misi kami adalah untuk meningkatkan gred purata sekolah (GPS) serta mencapai kelulusan 100 peratus bagi setiap mata

"Daya tahan mereka perlu diperkukuhkan agar dapat menyesuaikan diri dalam persekitaran baru. Oleh itu mereka perlu diberikan pendedahan sewajarnya," katanya.

percaya langkah seterusnya adalah untuk diiktiraf sebagai Sekolah Orang Asli Terbaik di Peringkat Kebangsaan pada masa akan datang," katanya.

tidak hairanlah bukan mudah menyelami hati dan perasaan mereka, seperti yang dihadapi oleh seorang guru, Salwani Salleh, 37.



SALWANI SALLEH

SUKU kaum Orang Asli di Desa Temuan, Bandar Damansara Perdana sudah lama mengamalkan bahasa Temuan sejak dahulu sehinggalah ke generasi muda pada hari ini.

Keadaan sedemikian menyebabkan murid di Sekolah Kebangsaan Bukit Lanjan menjadikan bahasa itu sebagai bahasa utama berbanding Bahasa Melayu.

Guru Bahasa Inggeris, Aslian Pios, 44, berkata, Bahasa Inggeris pula 'jatuh' kepada bahasa ketiga menyebabkan tahap penguasaan mereka terhadap bahasa itu agak lemah.

"Mula-mula murid Orang Asli begitu takut bila diperdengarkan dengan perkataan-perkataan Bahasa Inggeris yang dianggap begitu asing.

"Namun apa yang menarik perhatian mengenai mereka apabila mempunyai semangat ingin tahu meskipun lemah maka kami sebagai guru perlu menggandakan usaha.

"Jika di sekolah biasa, usaha dua kali ganda untuk pelajar yang lemah tetapi di sini untuk anak Orang Asli usahanya mungkin tiga kali ganda," katanya.

Bagaimanapun Aslian menjelaskan bahawa setiap usaha termasuk latihan yang diberikan kepada murid terbabit seharusnya berpatutan dan konsisten.

Beliau yang berkhidmat di sekolah itu sejak tahun 1994 berkata, latihan yang keterlaluan dan tidak menentu hanya membebankan dan menjejaskan minat mereka.

"Biarlah sedikit, tetapi diamalkan pada setiap hari seperti program yang saya sedang laksanakan iaitu 'Read English Everyday'

## Cuba kuasai yang lemah



Aslian memeriksa sebutan Bahasa Inggeris oleh salah seorang muridnya yang merupakan Orang Asli.

(Baca Bahasa Inggeris Setiap Hari).

"Mereka tidak terasa terbeban malah menjadi sebahagian daripada keseronokan harian sambil belajar. Berani mencuba itu adalah permulaan terbaik," katanya.

Mengenai inisiatif itu, Aslian akan memastikan setiap murid akan membaca dengan sebutan yang betul dan akan diperbaiki setiap kesilapan.

"Saya juga akan bertanya mereka apakah maksud perkataan itu dan meminta mereka untuk menyesuaikan teks dengan gambar," katanya.

Murid Orang Asli sanggup tidak pulang terus ke rumah semata-mata kerana tidak mahu ketinggalan menyertai sesi membaca buku cerita dalam Bahasa Inggeris

Menurut Aslian, ini mungkin disebabkan mereka tidak diberikan peluang untuk berbuat demikian apabila berada di rumah dan hanya dapat mengikutinya di sekolah.

"Walaupun penguasaan Bahasa Inggeris mereka masih pada tahap lemah atau sederhana, tetapi inisiatif untuk menguasainya harus diberikan pujian," katanya.

Beliau berkata, keadaan itu berpunca daripada sikap anak-anak Orang Asli yang masih belum dapat menyesuaikan dengan persekitaran luar termasuk sekolah.

"Tidak dapat dinafikan, murid Orang Asli lebih segan untuk berkongsi cerita atau meluahkan perasaan, tetapi mereka sebenarnya mahu didekati.

"Justeru, Sekolah Kebangsaan Bukit Lanjan melaksanakan Program Anak Angkat bagi mendekati kehidupan mereka dan paling utama membantu dari segi pembelajaran," katanya.

Berdasarkan pengalaman mengendalikan program itu, Salwani berkata, setelah didekati agak mengharukan apabila anak-anak itu berkongsi cerita mengenai tujuan mereka ke sekolah serta hala tuju pada masa depan.

"Mereka kata mereka datang ke sekolah sebab nak belajar, mereka nak dapat kerja yang baik sebab nanti boleh jadi kaya dan hidup senang. Ada juga yang bimbang tentang kehidupan mereka apabila dewasa. Adakah mereka hanya duduk di rumah tanpa berbuat apa-apa atau berkahwin saja," katanya.

Menurut Salwani, Program Anak Angkat bukan semata-mata untuk membantu murid maju dalam pelajaran bahkan sebagai motivasi agar mereka menjadi insan berguna apabila dewasa.

"Saya sentiasa menasihatkan mereka supaya teruskan belajar sekurang-kurangnya sehingga menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Pendidikan itu begitu penting dalam kehidupan. Sama ada Orang Asli atau tidak, semuanya berpeluang menikmati kejayaan dan kesenangan dalam hidup," katanya.